

**UNIT**  
**1**

**Jiran Tetangga**

**Mendengar dan Bertutur**

**Situasi 1**

**Salam Perkenalan**

Encik Gobi dan Encik Lim tinggal berjiran. Mereka tinggal di Taman Impian. Encik Husin pula baru sahaja berpindah. Pada hari pertama, Encik Husin telah dikunjungi Encik Gobi dan Encik Lim. Mereka berbual-bual sambil berkenalan.



Selamat sejahtera. Saya Husin. Saya baru berpindah ke rumah ini.

Selamat sejahtera. Nama saya Lim Jun Seng. Rumah saya di hadapan rumah Encik Husin. Saya jurutera. Saya bekerja di Syarikat Bina Jaya Sdn. Bhd.

Selamat sejahtera. Saya Gobi. Rumah saya di sebelah rumah Encik Husin. Saya guru. Saya mengajar di SK Seri Pertiwi.

Adakah Hadif kenal jiran di sebelah rumah kita ini?

**Situasi 2**



Ya, saya kenal, ayah. Beliau

Siapakah pula jiran di hadapan rumah kita, ayah?

**Aktiviti**

**Mendengar dan menyebut maklumat yang diperlukan.**



• Bimbingan murid mendengar, mengecah sebulan, dan menyebut sesuatu yang diujarkan semula dalam situasi tidak formal.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Kerjasama

**KHAMIS**  
**21 JANUARI 2021**

**TAJUK: SALAM PERKENALAN**

**ARAHAN:** Lengkapkan dialog di bawah berdasarkan perbualan dalam gambar yang ditunjukkan. Pilihan jawapan disediakan di bawah.

**AYAH:** Adakah Hadif kenal jiran di sebelah rumah kita ini?

**HADIF:** Ya, saya kenal. Beliau \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**AINA:** Siapakah pula jiran di hadapan rumah kita, ayah?

**AYAH:** Beliau \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

ialah Encik Lim Jun Seng.

ialah Encik Gobi.

Beliau berkerja sebagai seorang guru di SK Seri Pertiwi.

Beliau berkerja sebagai seorang jurutera di Syarikat Bina Jaya Sdn. Bhd.